



كوپراسي پوليس دراج مليسيا برحد

**KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan : KP/18

Tarikh :

22hb. Julai 2020

**“BERJIMAT SAMBIL BERKHIMAT”**

Pengerusi / Setiausaha

Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah

**KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

Tuan / Puan,

**MAKLUMAN KEMPEN PEMBIAYAAN  
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD 2.0**

**1. LATARBELAKANG DAN TUJUAN**

1.1 Bagi tujuan menghargai para anggota KPDRM yang terus setia memberikan sokongan mereka serta bagi memastikan KPDRM kekal bersaing dalam suasana ekonomi semasa, satu kempen diadakan dalam usaha menggalakkan anggota membuat pembiayaan menerusi KPDRM.

**2. KETETAPAN**

2.1 Mesyuarat Anggota Lembaga yang bersidang pada 30<sup>hb</sup> Jun 2020 telah mengambil ketetapan dan seterusnya melancarkan **“Kempen Pembiayaan KPDRM 2.0”** bagi menarik lebih ramai anggota membuat pembiayaan menerusi KPDRM.

2.2 Kempen ini akan berlangsung selama 3 bulan bermula daripada 01<sup>hb</sup> Ogos 2020 sehingga 31<sup>hb</sup> Oktober 2020 sebagaimana jadual yang berikut:-

Bil.	Tempoh	Bulan
1.	01 <sup>hb</sup> Ogos 2020 – 31 <sup>hb</sup> Ogos 2020	Bulan Pertama
2.	01 <sup>hb</sup> September 2020 – 30 <sup>hb</sup> September 2020	Bulan Kedua
3.	01 <sup>hb</sup> Oktober 2020 – 31 <sup>hb</sup> Oktober 2020	Bulan Ketiga

### 3. PERADUAN

- 3.1 Sepanjang kempen ini, satu peraduan akan diadakan dan terbuka kepada semua anggota KPDRM yang layak (Sila rujuk jadual di bawah untuk hadiah yang ditawarkan).

KATEGORI	HADIAH	BILANGAN
Hadiah Utama	Proton Saga 1.3 Standard Mt	1 Unit
Hadiah Pertama	Motosikal Yamaha 135 LC	3 Unit
Hadiah Kedua	Barang Kemas	3 Unit
Hadiah Ketiga	Telefon Pintar – Samsung Galaxy A51	3 Unit
Hadiah Saguhati	Barangan Elektrik : Khind Multi Air Fryer @ Hitachi 1.8L Microcomputer Rice Cooker @ Karcher/Philips Vacuum Cleaner	15 Unit

### 4. KADAR KEUNTUNGAN

- 4.1 Mesyuarat Anggota Lembaga juga telah menetapkan Kadar keuntungan yang ditawarkan adalah kekal sebagaimana kadar semasa mengikut jenis pembiayaan.

### 5. TERMA DAN SYARAT

- 5.1 Maklumat lanjut kempen pembiayaan berserta terma dan syarat kempen boleh didapati di laman sesawang KPDRM ([www.kpd.com.my](http://www.kpd.com.my)).

### 6. PENUTUP

Sehubungan dengan itu, besarlah harapan kami agar Tuan / Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada anggota KPDRM di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“Sejahtera Bersama Koperasi PDRM”**

Yang Benar



**DATO' HJ. ROSLI BIN DIN**  
SETIAUSAHA